



PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA THE GIRL GUIDES ASSOCIATION OF MALAYSIA

MISI

Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai komitmen melahirkan golongan remaja wanita dan wanita dewasa yang berkaliber melalui penerapan ilmu, kemahiran dan nilai kepanduan demi kepentingan nusa, bangsa dan masyarakat sejagat.

OUR MISSION

To develop girls and young women of caliber through internalization of Girl Guiding knowledge, skills and values to benefit the society and country.

VISI

Persatuan Pandu Puteri Malaysia bertujuan menjadi sebuah organisasi yang dinamik dan efektif untuk remaja dan wanita dewasa. Persatuan Pandu Puteri Malaysia akan menonjolkan imej yang selari dengan program berkualiti yang menyediakan remaja dan wanita dewasa hari ini untuk menjadi pemimpin berwibawa hari esok.

OUR VISION

Persatuan Pandu Puteri Malaysia aspires to be a dynamic and effective organization for girls and women as well as to promote an image of quality in line with its programme that equips girls and women of today to be responsible leaders of tomorrow.

Matlamat dan Objektif: Januari 2007 hingga Januari 2010

1. Sistem pengurusan yang berkesan selari dengan pertambahan bilangan ahli;
2. Pertambahan bilangan ahli yang berterusan;
3. Pertambahan bilangan ahli di universiti dan kolej diusahakan;
4. Peningkatan penglibatan Ahli Sukarelawan Dewasa – disokong dengan pelbagai sistem komunikasi dan sistem pengurusan yang efektif;
5. Kemampuan Kewangan PPPM menampung kepelbagaian sistem, bilangan dan struktur baru;
6. Profil PPPM terus berkembang.

Goals and Objectives: January 2007 to January 2010

1. *Increased membership growth consolidated with effective management systems.*
2. *Natural growth of membership continues.*
3. *Membership grows in universities and colleges.*
4. *New adult volunteers engaged on a regular basis – with effective management and communications systems.*
5. *The Persatuan Pandu Puteri Malaysia able to sustain financially new systems, numbers and structures.*
6. *Profile continues to grow.*

Tahun 1957:

**Persatuan Pandu Puteri Malaysia menjadi ahli
Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS)**

WORLD ASSOCIATION OF GIRL GUIDES AND GIRL SCOUTS (WAGGGS)
PERSATUAN PANDU PUTERI DAN PENGAKAP PUTERI SEDUNIA (PPPPPSD)

OUR MISSION

To enable girls and young women to develop their fullest potential as responsible citizens of the world.

OUR VISION FOR 2011

We are a growing worldwide Movement – the voice of girls and young women who influence issues they care about and build a better world.

The World Association aims to engage and empower young women, so that they can make a difference in their communities. We want to reach out to more girls and young women – and grow the Movement.

We have **three main goals** for our vision between now and 2011:

1. Leadership Development – Capacity Building
2. Strong and Growing Member Organisations – Revitalising the Movement
3. The Voice of Girls and Young Women – Building a Better World.

WAGGGS CORE VALUES

- ❖ *Progressive*
- ❖ *Recognition of a Spiritual Dimension*
- ❖ *Open to all*
- ❖ *Global Commitment*
- ❖ *Responsibility*
- ❖ *Equal Opportunities*
- ❖ *Service Mindedness*
- ❖ *Sustainability*
- ❖ *Integrity*
- ❖ *Voluntary Commitment*
- ❖ *Environmentally Conscious*

IKRAR PERSETIAAN KEPANDUAN

Bahawa dengan sesungguhnya saya berjanji dan bersetia dengan sedaya upaya:
menunaikan kewajipan saya kepada Tuhan, Raja dan Negara saya Malaysia,
menolong orang setiap masa, dan,
mematuhi Undang-Undang Kepanduan.

UNDANG-UNDANG KEPANDUAN

1. Seorang Pandu Puteri boleh dipercayai.
2. Seorang Pandu Puteri sentiasa taat dan setia.
3. Seorang Pandu Puteri suka menolong orang lain.
4. Seorang Pandu Puteri bersahabat dengan semua orang dan Pandu Puteri yang lain.
5. Seorang Pandu Puterisentiasa sopan santun.
6. Seorang Pandu Puteri melindungi haiwan dan memelihara alam sekitar.
7. Seorang Pandu Puteri sentiasa menurut perintah.
8. Seorang Pandu Puteri bersemangat dan bergembira walaupun dalam kesulitan.
9. Seorang Pandu Puteri sentiasa berjimat cermat.
10. Seorang Pandu Puteri suci dalam fikiran, perkataan dan perbuatan.

Keanggotaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah secara sukarela dan terbuka kepada semua kanak-kanak perempuan dan gadis tanpa membezakan agama, bangsa, kerakyatan atau keadaan yang lain, dengan pembayaran yuran keanggotaan tahunan. Keanggotaan merangkumi kategori-kategori Ahli Aktif, Ahli Tidak Aktif dan Ahli Kehormat.

➤ **Ahli Aktif :**

Ahli yang menjelaskan yuran keanggotaan atau yuran keanggotaan seumur hidup kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Persatuan Pandu Puteri Malaysia membayar kuota untuk setiap Ahli Aktif kepada Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS)

➤ **Ahli Tidak Aktif:**

Ahli yang menjelaskan yuran keanggotaan kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia tetapi Persatuan Pandu Puteri Malaysia tidak membayar kuota untuk setiap Ahli Tidak Aktif kepada Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS). Ahli Tidak Aktif merangkumi Ahli Aktif yang telah bersara daripada keahlian yang aktif, atau lelaki dan perempuan dewasa +18 tahun, yang telah mendaftar sebagai Sukarelawan Pandu Puteri dan Sahabat Pandu Puteri yang berkehendak untuk dikaitkan dengan Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Sukarelawan Pandu Puteri dan Sahabat Pandu Puteri menyumbang bantuan teknikal di dalam bidang kewangan, perhubungan awam, projek-projek khidmat dan pembangunan serta teknologi maklumat.

➤ **Ahli Kehormat:**

Ahli Kehormat tidak perlu menjelaskan yuran keanggotaan kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia, dan Persatuan Pandu Puteri Malaysia tidak menjelaskan bayaran kuota untuk setiap Ahli Kehormat kepada Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS). Ahli Kehormat adalah ahli yang membantu untuk mempromosikan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Bahagian Kepanduan:	5 hingga 25 tahun
Pandu Puteri Pra Tunas {Kelip-Kelip)	6 tahun ke bawah (lelaki dan perempuan)
Pandu Puteri Tunas	6 – 12 tahun
Pandu Puteri Remaja	12 – 15 tahun
Pandu Puteri Renjer	15 – 18 tahun
Pandu Puteri Kadet	+18 tahun
Pandu Puteri Siswi	+18 tahun
Pandu Puteri Dewasa	+18 tahun
Bahagian Dewasa	+18 tahun
Pemimpin Tidak Berwaran	+18 tahun
Penolong Pemimpin	+18 tahun
Pemimpin	+21 tahun
Jurulatih	+24 tahun
Pesuruhjaya	+24 tahun
Ahli Guild Mantan Pesuruhjaya	+30 tahun
Ahli Guild Pandu Puteri Raja	+18 tahun
Ahli Guild Trefoil	+24 tahun

LEMBAGA EKSEKUTIF KEBANGSAN

Lembaga eksekutif Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah Lembaga Eksekutif Kebangsaan. Ia ditugaskan dengan pengendalian dan pengurusan Persatuan Pandu Puteri Malaysia di antara mesyuarat-mesyuarat Majlis Kebangsaan.

Lembaga Eksekutif Kebangsaan bertanggungjawab kepada Majlis Kebangsaan dan kerana itu Majlis Kebangsaan mempunyai kuasa mutlak untuk menyuraikan Lembaga Eksekutif Kebangsaan jika perlu.

Keahlian Lembaga Eksekutif Kebangsaan

Lembaga Eksekutif Kebangsaan terdiri daripada Pegawai-Pegawai berikut:

Yang Di Pertua

Timbalan Yang Di Pertua

Ketua Pesuruhjaya

Setiausaha Kehormat

Bendahari kehormat

Pesuruhjaya Bahagian Kebangsaan:

 Pesuruhjaya Pandu Puteri Tunas

 Pesuruhjaya Pandu Puteri Remaja

 Pesuruhjaya Pandu Puteri Renjer

 Pesuruhjaya Pandu Puteri Kadet

 Pesuruhjaya Pandu Puteri Siswi dan Pandu Puteri Dewasa

 Pesuruhjaya Guild Kepanduan

Pesuruhjaya Perkembangan Kebangsaan:

 Pesuruhjaya Antarabangsa

 Pesuruhjaya Program dan Latihan

 Pesuruhjaya Kewangan (Kewangan dan Dana)

 Pesuruhjaya Keahlian

 Pesuruhjaya Perhubungan dengan Masyarakat

 Pesuruhjaya Struktur dan Pengurusan

Ketua Eksekutif Ibu Pejabat Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia – *Ex-Officio*

Penasihat Undang-Undang Persatuan Pandu Puteri Malaysia – *Ex-Officio*